


Tamadun Islam dan Tamadun Asia

Pengenalan Ilmu Ketamadunan

PENGENALAN

- Apakah tamadun?
- Apakah yang menjadi landasan dalam memahami pengertian dan konsep tamadun?
- Apakah ukuran, nilai atau penanda aras bagi menentukan tahap pencapaian ketamadunan bagi sesuatu tamadun?



Pengajian Ketamadunan dan Sejarah Tamadun

Pengajian Ketamadunan

- Membicarakan teori, konsep-konsep asas, ciri dan sifat tamadun secara konseptual, teoritikal dan abstrak.
- Tidak terikat kepada batasan zaman.
- Pengajian ketamadunan juga merentasi perbincangan tentang masa lampau, masa kini dan masa depan.
- Sentiasa berkembang mengikut peredaran masa.

Sejarah Tamadun

- Merujuk kepada pengalaman yang dilalui oleh sesuatu tamadun dari segi pencapaian, jatuh, bangun, kemajuan dan kemundurannya.
- Terikat kepada batasan masa.

- Sejarah :

- Dalam Bahasa Arab, ianya dikenali sebagai “Tarikh” yang bermaksud merekodkan sesuatu peristiwa dan masanya.
- Historiografi Arab klasik berpendapat bahawa sejarah ialah ilmu pengetahuan berkenaan sesebuah negara, adat dan tatasusila penduduknya, tinggalan manusia terdahulu dan juga catatan perilaku / kelakuan penduduk / manusia yang masih hidup.
- Barat mendefinisikan sejarah sebagai $\text{Manusia} + \text{Masa} + \text{Ruang} = \text{Sejarah}$, iaitu kajian mengenai masa silam ataupun kajian dan kompilasi sumbangan agung manusia dan idea yang meninggalkan kesan terhadap generasi akan datang.

Definisi dan ciri-ciri tamadun

Civilization

Hadharah

MADANI

Maddana

Tamaddana



Definisi dan Ciri Tamadun

- **Perkataan tamadun berasal dari bahasa Arab iaitu '*maddana*'.**
- **'*maddana*' iaitu kata kerja yang merujuk kepada perbuatan membuka bandar atau kota serta perbuatan memperhalusi budi pekerti.**
- **'*Madani*' merujuk kepada sifat sesuatu yang berkaitan dengan satu cara hidup yang menzahirkan kehalusan budi pekerti yang terpuji.**
- **'maddana' dan 'madani' berasal daripada 'din' yang bermaksud agama (menggambarkan kehidupan beragama)**

- ***Hadharah***: perbuatan tinggal dibandar dengan perilaku kehidupan yang tinggi.
- ***Hadhariah*** dikatakan merujuk kepada pencapaian aspek rohaniah manakala ***Madaniah*** merujuk kepada aspek kebendaan.
- **Civilization** : berasal daripada perkataan *civitas* dalam bahasa Latin yang bermakna bandar atau kota. Menekankan penggabungan antara ketinggian budaya dengan kemajuan kebendaan.

Definisi Tamadun

- Tamadun boleh ditakrifkan sebagai pencapaian dan pembangunan dalam segala perlakuan , pemikiran dan kemajuan (sains, teknologi, kesenian, kesusasteraan) yang tinggi, luhur, baik, halus dan sopan.

- *Sifat-sifat ini membentuk peribadi dan masyarakat yang memiliki jati diri, tatasusila dan budi pekerti yang terpuji untuk membentuk sebuah masyarakat atau negara bangsa.*

Definisi Tamadun (samb...)

- **Ibnu Khaldun: tamadun ialah perbezaan antara kehidupan desa dan bandar. Pembentukan dan kejatuhan sesebuah dinasti meliputi tiga tahap(kitaran sejarah), iaitu:**
 - **Tahap awal : kelahiran yang dicirikan asabiyah**
 - **Tahap kehidupan menetap: tamadun yang dicirikan oleh pemerintahan beraja atau khalifah**
 - **Tahap lemah: kejatuhan.**

- **Malik Bennabi: tamadun sebagai suatu fenomena sosial dalam perkembangan pensejarahan manusia dengan meletakkan keseimbangan antara aspek moral dan material. Wujud gabungan tiga unsur kehidupan iaitu manusia, benda dan idea dalam mencipta tamadun.**
 - **Masyarakat pra tamadun**
 - **Masyarakat bertamadun**
 - **Masyarakat pasca tamadun**

- **Oswald Spengler: kebudayaan sesuatu bangsa adalah sesuatu yang bersifat organik dan akan melalui pola hayat yang dianalogikan melalui empat musim:**
 - **Musim bunga (peringkat bayi)**
 - Muncul sistem feodal dalam bentuk yang paling asas. Kepercayaan agama juga muncul kerana rasa takut terhadap ancaman alam.
 - **Musim panas (peringkat muda)**
 - Berlaku reformasi dengan wujudnya penentangan golongan sederhana dalam agama dan juga penghapusan kepercayaan karut dalam agama, pembangunan dan penemuan dalam falsafah dan sains.

- **Musim luruh (peringkat matang)**
 - Fasa menyaksikan kemunculan bandar, kepercayaan terhadap akal rasional.
- **Musim dingin (peringkat tua)**
 - Kebudayaan dikatakan bertukar menjadi tamadun walaupun tamadun lahir daripada kebudayaan yang tidak lagi berkembang dan kreatif.

'Umran yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun yang memberi pengertian bahawa kawasan tanah di mana sekumpulan masyarakat yang tinggal menetap di suatu tempat itu dalam keadaan yang berkembang subur lagi makmur; di sebalik kawasan kering dan terbiar. (Zakarian Hashim, 1970)

Ciri-ciri Tamadun

- **Wujud sistem kepercayaan dan agama.**
 - ‘pernah ditemui bahawa kewujudan sesuatu Negara bangsa tanpa ada istana, tetapi tidak pernah ditemui kewujudan sesuatu Negara bangsa tanpa adanya rumah ibadat’.
- **Kewujudan penempatan masyarakat manusia di sesebuah kawasan atau beberapa kawasan yang disatukan membentuk kota atau bandar (Lembah Indus, Lembah Yang Tze dan Lembah Nil).**
 - **Kawasan sungai yang subur menyumbang kepada tamadun seperti Sungai Indus, Sungai Yang Tze dan Sungai Nil.**



- Peningkatan kualiti kehidupan yang lebih baik.
 - Pembinaan tamadun memerlukan masa yang panjang.
 - Berlaku perubahan yang membawa kepada peningkatan kualiti hidup.
 - Perubahan berlaku kerana faktor dalaman dan faktor luaran.
- Kewujudan sistem organisasi dan institusi sosial dalam bidang politik, pentadbiran, ekonomi dan pendidikan.
 - Pemerintahan mempunyai kuasa dan rakyat merealisasikan ketaatan yang dapat dilihat melalui kewujudan pelbagai fungsi, kemahiran, profession dan biadng dalam sistem hidup.

Ciri-ciri Tamadun (samb...)

- **Kemunculan satu bahasa atau beberapa bahasa yang serumpun dengan satu sistem tulisan yang tersendiri.**
 - **Masyarakat memerlukan kepada komunikasi untuk berinteraksi sambil memberi atau menerima maklumat.**
 - **Sistem tulisan dan Bahasa menjadi syarat utama untuk menghasilkan tamadun serta sebagai cara untuk menjadikan tamadun terus berkembang dan dapat bertahan.**
- **Kewujudan sistem perundangan yang teratur dan sistem nilai serta moral yang berwibawa yang dikuatkuasakan bagi mengatur perlakuan dan tindak tanduk masyarakatnya dalam segala kegiatan kehidupan.**

- Peningkatan daya cipta dalam penciptaan teknologi dan pembinaan.
 - Kemajuan material selalunya berpunca daripada kemajuan pemikiran atau minda dan keilmuan sesuatu bangsa.
 - Taraf pemikiran yang tinggi ini berbentuk realiti yang bersifat benda atau alatan atau teknologi.
- Perkembangan daya kreativiti dalam menghayati falsafah, kesenian, kesusasteraan dan nilai estetika yang tersendiri.
 - Kelahiran daya pemikiran membolehkan manusia menghasilkan falsafah, kesenian an sebagainya yang membezakan satu tamadun dengan tamadun yang lain.
 - Contoh: kota/bandar/bangunan yang seni binanya merupakan keagungan dan identity sesebuah tamadun.

Kepercayaan, Agama dan Tamadun

- **Kehidupan berbudi pekerti mulia dan bermoral tinggi merupakan perkara penting dalam kehidupan bertamadun.**
- **Pembinaan sifat tersebut pada diri seseorang berkait rapat dengan kepercayaan beragama dalam kehidupan seorang manusia.**
- **Thomas Berry, tamadun-tamadun timur seperti China dan India tidak dapat difahami sepenuhnya kecuali dengan merujuk kepada agama-agama besar di Asia.**

Hubungan Tamadun dengan Budaya

- Masyarakat manusia dicirikan sebagai masyarakat yang memiliki budaya yang tinggi dan terpuji.
- Budaya merujuk kepada tatacara mereka bertindak keatas persekitarannya dalam menguruskan kehidupan bermasyarakat.

Hubungan Tamadun dengan Budaya

- Tamadun berbeza daripada budaya apabila dilihat dari dua keadaan berikut:
 1. Pengaruh dan natijah tamadun berkekalan lebih lama berbanding dengan pengaruh dan natijah budaya.
 - Cth: kesetiaan kepada maharaja merupakan satu *natijah tamadun* dalam masyarakat Jepun meskipun sistem politik mereka telah jauh berbeza daripada keadaan lampau. Cara mereka berpakaian dan pemilihan jenis makanan merupakan jenis *natijah budaya* kerana telah mengalami banyak budaya perubahan dalam tempoh seratus tahun kebelakangan ini.

2. Tamadun melampaui batas-batas kenegaraan dan wilayah sedangkan budaya selalunya dikaitkan dengan negara atau wilayah tertentu.

- **Cth: budaya masyarakat Islam di Alam Melayu berpakaian berbeza daripada masyarakat Islam di semenanjung Arab sungguhpun mereka berada dibawah naungan tamadun Islam.**



Tamadun dan Bangsa


- Bangsa boleh didefinisikan sebagai sekumpulan manusia yang mengiktiraf diri mereka sebagai komuniti atau kumpulan yang umumnya meletakkan taat setia tanpa sebarang konflik yang besar dalam kumpulan itu.
- Bangsa memainkan peranan yang amat penting dan berkait rapat dalam melahirkan tamadun.

Kelahiran, Perkembangan Dan Kemerosotan Tamadun

- **Faktor pendorong kepada kemunculan tamadun-tamadun dunia sebelum ini adalah seperti berikut:**
 - 1. Kedudukan yang strategik.**
 - 2. Rangsangan keagamaan dan kerohanian.**
 - 3. Pembangunan ilmu dan penghayatan nilai.**
 - 4. Peningkatan nilai dan penghasilan teknologi.**
 - 5. Persaingan dengan tamadun lain.**

- **Kedudukan yang strategik.**

- Kedudukan yang sesuai dapat membantu membangun sesebuah penempatan dan membolehkan penduduk atau penerokanya memperoleh sumber-sumber semula jadi untuk kelangsungan kehidupan.
 - Tamadun China di Lembah Huang-He dan Yang Tze.
 - Tamadun India di Lembah Ganges dan Brahmaputra.
 - Tamadun Mesopotamia di Lembah Tigris dan Euphrates.
 - Tamadun Mesir di Lembah Nil.







Lokasi Tamadun Mesopotamia serta Bandar-bandarnya Utama



- **Rangsangan keagamaan dan kerohanian.**
 - **Ajaran agama dan amalan rohani mendorong manusia supaya menghayati nilai-nilai kehidupan yang suci dan tulus. seterusnya membawa kepada kehidupan bertamadun.**
 - **Tamadun Islam begitu dipengaruhi oleh rangsangan nilai daripada penghayatan cara hidup Islam yang menyeluruh berserta dorongan langsung daripada risalah wahyu.**

- **Pembangunan ilmu dan penghayatan nilai.**
 - pemimpin dan masyarakat yang menghayati nilai moral yang tinggi dan terpuji menggalakkan kecintaan kepada ilmu dan nilai-nilai murni yang lain seperti kreativiti, ketekunan, kerajinan semangat berdisiplin dan sebagainya.
 - Tokoh tamadun silam seperti Plato dan Aristotle dalam tamadun Yunani.
 - Lao Tze dan Kung Fu-Zi dalam tamadun China.
 - Kautilya dan Samkara dalam tamadun India .
 - Al-farabi, al-Mawardi, al-Ghazali dan Ibn Khaldun dalam tamadun Islam.



- **Kemunculan tamadun akibat kesengsaraan hidup.**
 - Kesengsaraan hidup yang dialami oleh sesebuah masyarakat boleh mendorong ahlinya bekerjasama menggembungkan tenaga untuk membebaskan diri mereka daripada belunggu tersebut.
 - Masyarakat akan lebih kreatif dan berdisiplin untuk membangunkan kehidupan mereka.

- **Persaingan dengan tamadun lain.**
- **Tamadun-tamadun yang pelbagai mewujudkan interaksi antara tamadun dan ianya merupakan satu ransangan dan dorongan kepada pemupukan kehidupan bertamadun.**
 - **Tamadun Islam merupakan tamadun yang bersikap terbuka untuk menerima sumber-sumber ilmu daripada tamadun-tamadun Yunani, Parsi, India dan China.**

Perkembangan/Pembangunan Tamadun

- Kemunculan tamadun dapat digambarkan oleh perilaku dan budaya masyarakat yang tinggi dalam kegiatan kehidupan.
- Mempunyai tatacara yang tersusun dalam pentadbiran dan perekonomian dan mendorong kemuncak kegemilangan.
- Pada zaman kegemilangan, pencapaian luar biasa dalam pelbagai bidang termasuk kesenian, kesusasteraan, pemikiran dan falsafah.
- Kegemilangan bukanlah monopoli sesebuah tamadun tertentu.

Kemerosotan sesebuah tamadun

- **Bagi sesebuah tamadun, setelah melalui zaman kecemerlangan pasti akan mengalami zaman kemerosotan.**
- **Ibn Khaldun, pembangunan dan kemerosotan sesebuah tamadun itu adalah mengikut hukum kitaran sejarah.**
- **Para sarjana yang lain berpendapat sesebuah tamadun itu merosot bukanlah disebabkan hukum sejarah. Ianya boleh dielakkan sekiranya mereka belajar daripada sejarah dengan mengekalkan nilai-nilai yang baik.**

- Berdasarkan sejarah, sesebuah tamadun itu boleh merosot kerana faktor-faktor berikut:
 - **Jurang sosial** : wujudnya jurang perbezaan yang begitu ketara antara golongan kaya dan miskin.
 - **Kezaliman**: penindasan berlaku secara berleluasa dan kezaliman sehingga persoalan hak-hak kemanusiaan diketepikan.
 - **Keruntuhan moral**: berlakunya keruntuhan moral dan nilai dalam masyarakat terutama dikalangan pemimpin yang menandakan musnahnya penghayatan terhadap budi pekerti yang mulia dan murni.

‘Sesungguhnya tertegaknya sesebuah umat itu adalah disebabkan ketinggian akhlaknya. Sekiranya akhlak mereka hilang maka umat tersebut akan lenyap’.

Ahmad Shawqi (1868-1932),

- **Jumud**: wujud sikap tertutup yang tidak mahu menerima perubahan terutamanya dari segi perubahan teknologi atau perubahan dalam struktur politik, ekonomi dan sosial. Sikap tertutup merupakan halangan yang paling besar terhadap anjakan paradigma (Edward de Bono).
- **Bencana alam**: berlaku malapetaka atau bencana alam yang menyebabkan kerosakan secara besar-besaran.

Persamaan dan perbezaan tamadun

- Ciri-ciri perbezaan dan persamaan antara tamadun boleh dilihat terutamanya dari sudut kepercayaan sumber ilmu dan nilai serta etika.
- *Contoh:* persoalan teologi berhubung dengan konsep tauhid dalam Islam begitu berbeza daripada metafizik Buddhisme yang tidak menerima konsep Tuhan. Hinduisme menerima konsep Tuhan tetapi berbeza daripada Islam, Kristian dan Yahudi.

- **Dalam konteks melihat perbezaan dan persamaan antara tamadun, tujuh persoalan berikut dikemukakan:**
 - **Alam sekitar**
 - **Keluarga**
 - **Masyarakat**
 - **Kerajaan**
 - **Ekonomi**
 - **Pendidikan**
 - **Kesihatan dan kesejahteraan**

- **Alam sekitar**

- Hidup secara harmoni dengan alam sekitar merupakan satu prinsip yang diterima oleh semua agama. Alam sekitar dilihat sebagai anugerah Tuhan. Manusia dipertanggungjawab sebagai penjaga alam sekitar.

- **Keluarga**

- Unsur keluarga sangat dititikberatkan dalam semua tamadun kerana keluarga sentiasa dianggap sebagai unit asas dalam sesebuah masyarakat.
- Keluarga menjadi asas bagi setiap hierarki dalam masyarakat .
- Cuma yang berbeza pada setiap tamadun ialah tahap cengkaman dan hubungan rapat kekeluargaan, tahap kepatuhan anak terhadap ibu bapa, tahap kawalan ibu bapa dan sebagainya.

- **Masyarakat**

- Kehidupan masyarakat sangat penting dan berpengaruh dalam menentukan personaliti dan identiti seseorang.
- Masyarakat juga dapat memastikan bahawa nilai-nilai dan norma-norma murni dalam masyarakat sentiasa dihormati.

- **Kerajaan**

- Falsafah tamadun-tamadun tradisional amat menekankan persoalan moral atau akhlak sebagai dasar sesebuah kerajaan.
- Peranan dan tanggungjawab kerajaan dijelaskan melalui peranan dan tanggungjawab seseorang pemerintah.
- Sifat-sifat pemerintah yang saksama dan adil merupakan tema utama taamdun –tamadun silam.

- **Ekonomi**

- Wujud kegiatan ekonomi yang boleh mempertingkatkan tahap moral manusia sebagaimana juga wujud kegiatan ekonomi yang boleh merosakkan moral manusia.
 - Ajaran Buddhisme, wujud konsep hak-hak kehidupan sebagaimana yang termaktub dalam Lapan Jalan Mulia.
 - Ajaran Islam, prinsip yang berkaitan dengan halal dan haram mempunyai hubungan yang rapat dengan persoalan akhlak.

- **Pendidikan**

- Matlamat utama pendidikan adalah untuk pembinaan sifat-sifat mulia seseorang melalui proses pengajaran ilmu.
- Semua tamadun menekankan kepentingan ilmu, tetapi berbeza pada tahap penekanan dan bidang.
- Tamadun boleh wujud dan berkembang hanya melalui ilmu dan pendidikan.

- **Kesihatan and kesejahteraan.**

- Konsep kesihatan dalam tamadun-tamadun tradisional tidak terpisah daripada pandangan semesta sesebuah agama, melalui pandangan dan pendekatan holistic.
- Holistik bermaksud suatu pandangan yang mengakui bahawa kesihatan manusia dipengaruhi oleh alam sekitarnya yang luas, menyeluruh dan saling berhubung.
- Dalam menyembuhkan sesuatu penyakit, menurut pandangan holistic ini, perlulah dipulihkan keseimbangan seseorang agar keharmonian dalam tubuh badan dapat diwujudkan, seterusnya keseimbangan dalam kehidupannya.

Interaksi antara tamadun

- Menurut kamus dewan, interaksi bermaksud sesuatu tindakan atau perhubungan aktif antara satu sama lain atau tindakbalas antara dua atau lebih pihak.
- Proses interaksi boleh berlaku dengan pelbagai cara seperti kehidupan bersama, perdagangan, penjelajahan dan penerokaan, pembukaan dan penjajahan serta media dan hiburan.

Interaksi antara tamadun

- Faktor pemudah interaksi: kesamaan ideologi politik, hubungan diplomatic, kedudukan geografi yang berdekatan, hubungan social seperti perkahwinan campurdan penyebaran agama, keadaan penduduk dan persekitaran yang aman, kegiatan ekonomi dan aktiviti keilmuan.
- Faktor menyulitkan interaksi: perbezaan ideolgi politik, peperangan, kedudukan geografi yang jauh, Bahasa dan sebagainya.

Interaksi antara tamadun

- Wujud interaksi antara tamadun sama ada di peringkat perkongsian nilai, pemikiran, institusi dan keinsanan yang berlaku sepanjang sejarah.
- Ianya lahir disebabkan oleh semangat toleransi yang tinggi serta sikap saling menghormati antara sesebuah tamadun dengan sesebuah tamadun yang lain.

- **Jenis-jenis interaksi adalah seperti berikut:**
 - **Interaksi dalam lingkungan budaya yang sama**
 - **Interaksi antara budaya dan tamadun yang berbeza**
 - **Interaksi antara tamadun yang kuat dengan yang lemah**

- **Interaksi dalam lingkungan budaya yang sama**
 - **Merujuk kepada hubungan satu budaya dalam sesuatu kaum.**
 - ***Contoh:* masyarakat Melayu yang terdiri daripada pelbagai suku seperti Jawa, Banjar, Bugis, Mendailing dan sebagainya.**

- **Saling hubungan masyarakat Islam dan Hindu di India memberi contoh tepat interaksi ini. Walaupun mempunyai pegangan agama yang berbeza tetapi tidak dari segi budaya.**
 - **Golongan masyarakat Hindu di India Utara yang menerima unsur-unsur keislaman dalam budaya berpakaian, pemakanan dan seni bina.**
 - **Masyarakat Islam pula menerima unsur-unsur tertentu termasuk seni bina, muzik, pemakanan dan gaya hidup masyarakat Hindu.**

- **Interaksi antara budaya dan tamadun yang berbeza**
 - **Menerangkan bagaimana antara satu kaum yang berlainan budaya dan kepercayaan agama dapat saling berinteraksi.**
 - **Contoh:kuil-kuil yang masih wujud seperti Borobudur di Jawa yang majoriti penduduknya penganut agama Islam merupakan lambang kepada sikap toleransi.**

- **Interaksi antara tamadun yang kuat dengan yang lemah**
 - **Interaksi antara Islam dengan Yahudi dan Islam dengan Kristian pada saat kelahiran Islam di Semenanjung Arab memperlihatkan bagaimana interaksi antara peradaban yang kuat dengan yang lemah.**

Dialog antara Tamadun

- **Pengertian dialog**
 - Pakar bidang ketamadun menggelarkan zaman ini sebagai Zaman Dialog yang menggantikan Zaman Monolog yang telah pun berlalu.
 - Dalam konteks Barat, dialog telah menjadi satu keperluan baru akibat kesedaran yang muncul mengenai betapa pelbagai masyarakat di dunia dari segi geografi budaya dan agama.

- **Pembudayaan dialog di Malaysia**

- Terdapat pihak-pihak yang telah memulakan usaha-usaha untuk mengadakan dialog contohnya dialog antara agama di dalam negara.
- Kemajuan dialog telah tercapai kerana ia melibatkan sarjana, ahli agama dan cendekiawan.
- Dialog dalam kehidupan seharian berlaku melalui proses bekerjasama, berkomunikasi dan hidup bersama-sama.

- **Prinsip-prinsip dialog**

- **Memahami dan menyadari tujuan utama dialog.**
- **Dialog antara tamadun mestilah merupakan projek yang bermanfaat kepada kedua-dua pihak yang terlibat.**
- **Dijalankan dengan penuh ikhlas.**
- **Berupaya menjelaskan pandangan yang dipegang dengan jelas.**
- **Berhemah semasa memberikan pandangan terhadap pandangan orang lain.**
- **Tidak mempunyai prejudis.**

- **Halangan kepada dialog**
 - Bertukar agama
 - Rasa rendah diri
 - Sindiran sosial
 - Syak wasangka

Kesimpulan

- Pendedahan terhadap mengenali latar belakang tamadun masing-masing boleh memupuk rasa persefahaman antara satu sama lain.
- Ilmu ketamdunan adalah penting kerana ia boleh membantu ke arah pembinaan dan kejayaan.